

PENYATA PENDEDAHAN PRODUK Sila baca dan fahami Lembaran Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon kemudahan Program Pindahan Baki BSN. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am. Dapatkan penjelasan daripada Bank Simpanan Nasional (BSN) jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau Terma dan Syarat Program Pindahan Baki BSN.	 BSN BANK SIMPANAN NASIONAL Produk: PROGRAM PINDAHAN BAKI BSN Tarikh: November 2025																																																						
1. Apakah Program Pindahan Baki BSN?																																																							
Program Pindahan Baki BSN ("Program Pindahan Baki") ialah program di mana Pemegang Kad Utama boleh memohon untuk memindahkan baki tunggakan daripada kad kredit bank lain seperti yang dinyatakan dalam penyata kad kredit terkini ke Kad Kredit/i BSN dengan kadar yang lebih rendah.																																																							
2. Apakah faedah yang saya dapat daripada produk ini?																																																							
i. Penjimatan daripada caj keuntungan / caj kewangan (11% - 17.5% setahun). ii. Menggabungkan penyata kad kredit lain ke dalam satu penyata. iii. Kemudahan membuat pembayaran melalui myBSN atau cawangan Bank Simpanan Nasional.																																																							
Pelan Pindahan Baki yang ditawarkan:																																																							
<table border="1"> <thead> <tr> <th>PELAN</th> <th>BA</th> <th>BB</th> <th>BC</th> <th>BD</th> <th>BE</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Tempoh</td> <td>6 bulan</td> <td>12 bulan</td> <td>24 bulan</td> <td>36 bulan</td> <td>48 bulan</td> </tr> <tr> <td>Kadar Keuntungan / Faedah (Setiap Tahun)</td> <td>-</td> <td>-</td> <td>3.99% setahun</td> <td>3.99% setahun</td> <td>4.99% setahun</td> </tr> <tr> <td>Kadar Keuntungan / Faedah (Sekali Caj)</td> <td>1.99%</td> <td>3.99%</td> <td>-</td> <td>-</td> <td>-</td> </tr> <tr> <td>Amaun Pindahan Minima (RM)</td> <td>RM 500</td> <td>RM 500</td> <td>RM 1,000</td> <td>RM 2,000</td> <td>RM 3,000</td> </tr> <tr> <td>Langgan Perlindungan Kredit</td> <td colspan="5">Pilihan</td> </tr> <tr> <td>Amaun Pindahan Maksima (RM)</td> <td colspan="5">Maksimum 80% daripada had kredit / hak kemudahan yang ada</td> </tr> <tr> <td>Pengiraan Kadar Keuntungan/Faedah</td> <td colspan="5"> Pengiraan Kadar Keuntungan/Faedah berdasarkan pengiraan terus $\frac{\text{Amaun Pokok (P)} + [(P \times \text{Kadar Keuntungan/Faedah} \times \text{Tempoh Tahun})]}{\text{Tempoh Bulan}}$ </td> </tr> <tr> <td>Amaun Penyelesaian Awal</td> <td colspan="5">Baki Amaun Pokok (P) + 1 bulan Kadar Keuntungan/Faedah</td> </tr> </tbody> </table>		PELAN	BA	BB	BC	BD	BE	Tempoh	6 bulan	12 bulan	24 bulan	36 bulan	48 bulan	Kadar Keuntungan / Faedah (Setiap Tahun)	-	-	3.99% setahun	3.99% setahun	4.99% setahun	Kadar Keuntungan / Faedah (Sekali Caj)	1.99%	3.99%	-	-	-	Amaun Pindahan Minima (RM)	RM 500	RM 500	RM 1,000	RM 2,000	RM 3,000	Langgan Perlindungan Kredit	Pilihan					Amaun Pindahan Maksima (RM)	Maksimum 80% daripada had kredit / hak kemudahan yang ada					Pengiraan Kadar Keuntungan/Faedah	Pengiraan Kadar Keuntungan/Faedah berdasarkan pengiraan terus $\frac{\text{Amaun Pokok (P)} + [(P \times \text{Kadar Keuntungan/Faedah} \times \text{Tempoh Tahun})]}{\text{Tempoh Bulan}}$					Amaun Penyelesaian Awal	Baki Amaun Pokok (P) + 1 bulan Kadar Keuntungan/Faedah				
PELAN	BA	BB	BC	BD	BE																																																		
Tempoh	6 bulan	12 bulan	24 bulan	36 bulan	48 bulan																																																		
Kadar Keuntungan / Faedah (Setiap Tahun)	-	-	3.99% setahun	3.99% setahun	4.99% setahun																																																		
Kadar Keuntungan / Faedah (Sekali Caj)	1.99%	3.99%	-	-	-																																																		
Amaun Pindahan Minima (RM)	RM 500	RM 500	RM 1,000	RM 2,000	RM 3,000																																																		
Langgan Perlindungan Kredit	Pilihan																																																						
Amaun Pindahan Maksima (RM)	Maksimum 80% daripada had kredit / hak kemudahan yang ada																																																						
Pengiraan Kadar Keuntungan/Faedah	Pengiraan Kadar Keuntungan/Faedah berdasarkan pengiraan terus $\frac{\text{Amaun Pokok (P)} + [(P \times \text{Kadar Keuntungan/Faedah} \times \text{Tempoh Tahun})]}{\text{Tempoh Bulan}}$																																																						
Amaun Penyelesaian Awal	Baki Amaun Pokok (P) + 1 bulan Kadar Keuntungan/Faedah																																																						
<i>Nota:</i> a) Kadar Keuntungan/Faedah (Sekali Caj) ke atas setiap amaun yang diluluskan dan akan dibilkan ke dalam penyata kad kredit untuk bulan akan datang. b) Kadar di atas sah bagi permohonan baru dari 1 Oktober 2022. c) Kadar bagi pelanggan sedia ada rujuk kepada kadar yang telah diluluskan.																																																							
Ahli Kad boleh memohon Program Pindahan Baki dengan menghubungi BSN di +603-2613 1900 antara 9.00 pagi hingga 5.00 petang (Isnin hingga Jumaat kecuali Cuti Umum). Sebagai alternatif, Ahli Kad boleh melengkapkan Borang Program Pindahan Baki dan e-mel kepada cards_qa@bsn.com.my atau mengunjungi mana-mana cawangan BSN.																																																							
3. Apakah tanggungjawab saya?																																																							
• Ansuran bulanan anda : RM _____ • Cara pengiraan ansuran bulanan adalah seperti berikut: $\frac{\text{Prinsipal (P)} + [(P \times \text{Kadar Keuntungan/Faedah} \times \text{Tempoh Tahun})]}{\text{Tempoh Bulan}}$																																																							
4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?																																																							
Hanya kadar keuntungan/faedah (caj sekali sahaja) iaitu sebanyak 1.99% ke atas amaun Pindahan Baki yang diluluskan bagi Pelan BA dan 3.99% bagi Pelan BB. Bagi Pelan BC dan BD, kadar keuntungan/faedah dikenakan secara bulanan pada kadar 3.99% setahun manakala bagi Pelan BE, kadar keuntungan/faedah bulanan adalah pada kadar 4.99% setahun. Amaun ansuran bagi bulan pertama mungkin sedikit lebih tinggi berbanding bulan-bulan berikutnya disebabkan pelarasan pembundaran.																																																							
5. Bagaimana jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?																																																							
Caj keuntungan / caj kewangan biasa 11%-17.5% setahun akan dikenakan ke atas baki ansuran bulanan jika bayaran ansuran bulanan tidak dibayar penuh pada bulan tersebut sehingga ansuran bulanan tersebut dibayar penuh. Pelan ansuran Pindahan Baki yang diluluskan pada 1hb Oktober 2022 dan seterusnya, ansuran bulanan yang pertama akan dikenakan pada 1(satu) hari selepas pelan ansuran diluluskan. Anda dikehendaki membayar amaun ansuran bulanan yang penuh sebelum tamat tempoh pembayaran penyata anda.																																																							

6. Bagaimana jika saya membuat bayaran penuh sebelum tempoh matang? Sila emel permohonan pembatalan ke cards_qa@bsn.com.my atau hubungi Pusat Perhubungan Pelanggan BSN di +603-2613 1900. Anda perlu membayar baki tertunggak termasuk tunggakan prinsipal/pokok dan caj keuntungan/caj kewangan yang dikenakan pada bulan tersebut.
7. Apakah risiko utama? i. Bayaran ansuran bulanan haruslah dibayar sepenuhnya sebelum tarikh akhir pembayaran pada bulan tersebut. Sila pertimbangkan kemampuan bayaran balik sebelum memohon kemudahan Program Pindahan Baki. ii. Caj kewangan/caj keuntungan 11%-17.5% setahun akan dikenakan ke atas baki ansuran bulanan jika bayaran ansuran bulanan tidak dibayar penuh pada bulan tersebut. iii. Anda hendaklah segera menyelesaikan semua baki tertunggak sekiranya anda memilih untuk menamatkan Program Pindahan Baki. Jika tidak, kadar keuntungan/faedah semasa akan dikenakan ke atas baki tertunggak yang merangkumi prinsipal tertunggak dan caj keuntungan/faedah bulan semasa yang telah terkumpul. iv. Jika anda mempunyai masalah pembayaran kad kredit, hubungi kami untuk berbincang tentang cara pembayaran yang lain.
8. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan pada butiran maklumat saya? Adalah penting untuk memaklumkan kepada kami sebarang perubahan dalam butiran hubungan anda untuk memastikan semua surat -menyurat atau panggilan telefon dapat menghubungi anda tepat pada masanya. Sila hubungi kami di +603-2613 1900 untuk menukar maklumat hubungan anda. Sebagai alternatif, anda boleh menukar maklumat hubungan anda dengan melawat kami di mana-mana cawangan BSN di seluruh negara.
9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut? i. Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut atau pertanyaan, anda boleh mengunjungi laman sesawang kami di www.bsn.com.my atau tulis ke: Jabatan Perbankan Digital, Perniagaan Kad & Merchant Pusat Kad Kredit BSN Tingkat Bawah, Blok A 117 Jalan Ampang 50450 Kuala Lumpur Pusat Perhubungan Pelanggan BSN Telefon: +603-2613 1900 Emel : customercare@bsn.com.my ii. Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh pihak kami dengan cara yang memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia atau BNMLINK di: BNMLINK Aras 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur. Tel: 1300-88-5465 Laman Sesawang: bnm.gov.my/BNMLINK Waktu operasi: 9.00 pagi - 5.00 petang (Isnin - Jumaat kecuali cuti umum) iii. Alternatif lain, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menawarkan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan kewangan, kredit kaunseling, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pinjaman untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di: Tingkat 8, Maju Junction Mall 1001, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur Telefon : +603-2616 7766 Emel : enquiry@akpk.org.my
NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA <u>TIDAK</u> MEMBUAT PEMBAYARAN KE ATAS PROGRAM PINDAHAN BAKI ANDA.
<i>Informasi yang diberikan pada lembaran penerangan produk ini sah dari November 2025.</i>